

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH 1996-2000
Lokasi :
Tarikh : 18-12-1995

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan para Menteri kerana bersetuju melapangkan masa untuk membincangkan draf dokumen Rancangan Malaysia Ketujuh pada tengahari ini dan pada empat hari lagi dalam bulan ini dan bulan hadapan. Untuk makluman Yang Amat Berhormat, draf dokumen ini telah disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi mulai bulan September 1994 dengan bantuan daripada semua Kementerian dan agensi awam serta lebih kurang 70 orang wakil daripada pelbagai badan bukan Kerajaan (NGO), termasuk persatuan-persatuan profesional dan syarikat-syarikat swasta. Berikut itu, ia telah diteliti dengan mendalam oleh Jawatankuasa Perancang pembangunan Negara (JPPN) yang dipengerusikan oleh saya sendiri selama tujuh hari bulan November dan awal bulan Disember tahun ini.

2. Yang Amat Berhormat, dokumen Rancangan Malaysia Ketujuh mengandungi 23 bab kesemuanya, berbanding 17 bab yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Keenam. Selain daripada bab-bab biasa mengenai topik-topik seperti Macro-economic Progress and Prospects; Poverty Redressal, Restructuring of Society and Income Distribution; Industrial Development dan Infrastructure and Utilities, ia juga mengandungi bab-bab baru khusus mengenai Privatization, Information Technology, Youth in Development dan Economic Development Through International Cooperation. Topik-topik baru ini telah dimasukkan bersama memandangkan ia telah menjadi semakin penting dalam pembangunan negara dan oleh itu sesuai diberi perhatian yang lebih teliti.

3. Tema dan tekanan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah productivity-driven growth berbanding dengan tekanan sebelum ini kepada investment-driven growth. Berkaitan dengannya adalah tekanan kepada peningkatan daripada labour-intensive industries kepada capital-intensive industries dan pada pencapaian pembangunan yang seimbang dan menyeluruh, seperti yang ditetapkan oleh Dasar Pembangunan Nasional dan Wawasan 2020.

4. Menurut jadual yang ada sekarang, selepas pembentangan draf Rancangan Malaysia Ketujuh kepada Jawatankuasa ini, ia akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan, dalam satu mesyuarat khas pada hari Jumaat 19 Januari 1996. Berikut itu, ia akan dibentangkan kepada Dewan Rakyat untuk perbahasan mulai 10 April, 1996.

5. Memandangkan Rancangan Malaysia Ketujuh mengandungi 23 bab dengan mengambilkira masa yang ada bagi mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa ini, saya memohon persetujuan Yang Amat Berhormat supaya taklimat mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh ditumpukan kepada perkara-perkara dan isu-isu pokok mengenai setiap bab sahaja. Bagi menyampaikan taklimat ini, saya dengan sukacitanya menjemput Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi.